



Sila Maklum Kepada Doktor Jika :

1. Tiub Trakeostomi tersumbat
2. Pendarahan
3. Kemerahan atau iritasi kulit

Kaedah Pemeriksaan fungsi Tiub Trakeostomi



Merasa dengan tangan aliran udara keluar dari tiub trakeostomi

Atau

Melihat wap udara pada cermin atau permukaan bahan logam yang diletakkan pada bukaan tiub trakeostomi



Atau

Melihat pergerakan kapas yang diletakkan pada bukaan tiub trakeostomi



Disediakan Oleh :



JIKA ADA SEBARANG PERTANYAAN
SILA HUBUNGI


JABATAN ORL-HNS HSNZ

TEL : 09-6212121 * 2611/2612




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Penjagaan Tiub Trakeostomi di Rumah



Kepentingan Penjagaan Trakeostomi

- Memastikan saluran tiub trakeostomi tidak tersumbat.
- Membantu dan melancarkan pernafasan.
- Memastikan bukaan tiub trakeostomi kekal bersih dan baik.
- Untuk mengelakkan pendarahan.
- Untuk mengelakkan jangkitan pada bukaan trakeostomi.



Kriteria Penjagaan Trakeostomi yang Baik

- Tiub trakeostomi yang tidak tersumbat dan berfungsi
- Penjagaan bukaan trakeostomi yang bersih dan tiada jangkitan kuman
- Menukar tiub trakeostomi pada waktu yang ditetapkan
- Teknik sedutan yang betul dan berkesan

Penjagaan Selepas Trakeostomi

- Memeriksa dan membersihkan bukaan trakeostomi sekurang-kurangnya sekali sehari atau mengikut keperluan
- Memeriksa sama ada tiub trakeostomi tidak tersumbat, tercabut atau “false tract”
- Membuat sedutan tiub trakeostomi secara berkala atau mengikut keperluan

Cara Mengikat Tiub Trakeostomi di Leher

Semasa mengikat tiub trakeostomi, pastikan ruang antara leher dan tali adalah dua jari longgar. Jika ikatan terlalu longgar, ia boleh mengakibatkan risiko pendarahan, pembentukan tisu berlebihan dan kemungkinan tiub akan terkeluar.



Sedutan Kahak (Suctioning)

Pastikan pesakit dalam keadaan selesa.

Pastikan tangan dicuci dengan sabun atau sanitasi tangan.

Posisikan pesakit pada kedudukan terlentang dan kepala sedikit mendongak .

Melakukan penyedutan dengan memasukkan tiub sedutan melalui bukaan tiub trakeostomi kemudian menarik keluar kembali tiub sedutan perlahan-lahan dengan mengawal hujung tiub sedutan secara berputar mengikut bentuk tiub (rounded)

Sedutan boleh menyebabkan pesakit bertindak balas seperti batuk.

Jika kahak terlalu pekat, titis sedikit “saline water” untuk melembutkan kahak.

Jangan lakukan sedutan lebih dari 15-20 saat kerana akan menyebabkan kekurangan oksigen.

Ulang prosedur yang sama jika perlu sehingga tiub trakeostomi bersih.

